

**IMPLIKASI KES NIK ELIN TERHADAP BIDANG KUASA DAN KEDUDUKAN  
KESALAHAN JENAYAH SYARIAH**

*THE IMPLICATIONS OF THE NIK ELIN CASE ON THE JURISDICTION AND STATUS OF  
SHARIAH CRIMINAL OFFENCES*

<sup>i</sup>\*Siti Zubaidah Ismail & <sup>ii</sup>Muhamad Sayuti Mansor

<sup>i</sup>Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>ii</sup>International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, Jalan Ilmu, Off, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [szubaida@um.edu.my](mailto:szubaida@um.edu.my)

**Article history:**

Submission date: 17 October 2024  
Received in revised form: 3 September 2025  
Acceptance date: 23 October 2025  
Available online: 30 April 2026

**Keywords:**

Nik Elin case, shariah criminal offence, judicial interpretation, conflict of law, dualism, RUU 355, kes Nik Elin, kesalahan jenayah syariah, tafsiran kehakiman, konflik undang-undang, dualisme perundangan, RUU 355

**Funding:**

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

**Competing interest:**

The author(s) have declared that no competing interests exist.

**Cite as:**

Ismail, S. Z., & Mansor, M. S. (2026). Implikasi kes Nik Elin terhadap bidang kuasa dan kedudukan kesalahan jenayah syariah: the implications of the Nik Elin case on the jurisdiction and status of shariah criminal offences. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 14(1), 278-296.  
<https://doi.org/10.33102/mjssl.vol14no1.1026>

**Ethic approvals:**

This study did not require ethics approval as it is non-interventional qualitative research based solely on document analysis with no human participants or identifiable personal data involved.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my).

**ABSTRACT**

The Federal Court's decision in *Nik Elin Zurina & Anor v. The Government of Kelantan* reignited debates on the constitutional demarcation of legislative powers between the Federation and the States, particularly in relation to shariah criminal offences. This article aims to examine the judicial reasoning adopted in the decision and to analyse its implications for the position and development of shariah criminal offences. This study adopts a qualitative doctrinal legal methodology, employing a case study approach centred on the *Nik Elin* case. Primary data consists of relevant constitutional and statutory provisions, while secondary sources include related cases, academic literature and judicial commentaries. The data were analysed using content and thematic legal analysis, with particular focus on the application of the pith and substance test and the preclusion clause in determining legislative competence. The finding reveals that the Federal Court applied a constitutional approach in assessing the validity of the impugned provisions. Through the application of the pith and substance and the preclusion clause approaches, the Court held that most of the challenged provisions were invalid as they fell within the Federal List, particularly under general criminal law. This article contributes to the existing discourse by proposing a reconceptualization of "shariah criminal offences" as "shariah offences", reflecting their normative and constitutional character within Malaysia' dual legal system. It further outlines several policy-oriented recommendations to strengthen the framework of shariah offences post-*Nik Elin*.

## ABSTRAK

Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Nik Elin Zurina bt Nik Abdul Rashid & Anor lwn Kerajaan Negeri Kelantan* (2024) 2 MLJ 150 telah mencetuskan semula perbahasan mengenai penentuan sempadan kuasa perundangan antara Persekutuan dan Negeri, khususnya berkaitan kesalahan jenayah syariah. Artikel ini bertujuan meneliti rasional kehakiman dalam keputusan tersebut serta menganalisis implikasinya terhadap kedudukan dan perkembangan kesalahan jenayah syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan perundangan doktrinal secara kualitatif dengan reka bentuk kajian kes yang memfokuskan kepada kes *Nik Elin*. Data primer terdiri daripada laporan kes, peruntukan Perlembagaan dan statut berkaitan, manakala sumber sekunder merangkumi kes-kes lain, penulisan akademik dan ulasan perundangan. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan dan tematik dengan penekanan kepada pemakaian ujian inti pati dan klausa pengecualian dalam menentukan kompetensi perundangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Mahkamah Persekutuan telah mengaplikasikan pendekatan substantif dalam menilai kesahan peruntukan yang dicabar. Melalui pemakaian ujian inti pati dan klausa pengecualian, majoriti peruntukan tersebut diputuskan tidak sah kerana termasuk dalam Senarai Persekutuan, khususnya dalam ruang lingkup undang-undang jenayah umum. Artikel ini menyumbang kepada wacana sedia ada dengan mengemukakan penjenamaan semula konsep “kesalahan jenayah syariah” kepada “kesalahan syariah” yang lebih selari dengan sifat normatif dan kerangka perlembagaan sistem dwi-perundangan di Malaysia. Ia turut mengemukakan beberapa cadangan dasar bagi memperkukuhkan kerangka kesalahan syariah pasca-*Nik Elin*.

## Pengenalan

Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Nik Elin Zurina bt Nik Abdul Rashid & Anor lwn Kerajaan Negeri Kelantan* (2024) 2 MLJ 150 (selepas ini *Nik Elin*) merupakan suatu perkembangan penting dalam sejarah perundangan syariah di Malaysia. Keputusan ini bukan sahaja membatalkan peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 yang telah diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri Kelantan, malah memperjelaskan semula sempadan antara kuasa persekutuan dan negeri dalam penggubalan undang-undang kesalahan jenayah syariah. Dengan menggunakan pendekatan inti pati (*pith and substance*) dan klausa pengecualian (*preclusion clause*) dalam Senarai Negeri, Mahkamah Persekutuan telah memperkenalkan satu standard pentafsiran yang lebih ketat kepada “kesalahan terhadap perintah agama Islam”. Pentafsiran ini memberi kesan langsung kepada keseluruhan lanskap undang-undang kesalahan jenayah syariah di negara ini.

Perkembangan ini sebenarnya bukan perkara baru. Sejak lebih sedekad yang lalu, pelbagai cabaran perlembagaan telah dikemukakan terhadap kesalahan jenayah syariah, khususnya membabitkan isu pertindihan bidang kuasa antara undang-undang syariah dan undang-undang jenayah Persekutuan. Dua isu utama yang menjadi fokus ialah pertama: penentuan kesahan (*legality*) undang-undang kesalahan jenayah syariah sebagai kesalahan terhadap agama kerana “jenayah” termasuk di bawah Senarai Persekutuan, dan kedua: pentafsiran perintah agama (*precepts of Islam*) dan kuasa Mahkamah Syariah mensabitkan pihak-pihak yang didakwa dengan kesalahan berkenaan (Ismail, 2017). Berdasarkan keputusan kes-kes terdahulu, pendekatan tafsiran yang luas diberikan oleh para hakim yang bijaksana apabila memakai ujian inti pati. Antara lain, para hakim melihat kepada tujuan undang-undang dan sifat-sifat kesalahan yang digubal untuk mengawal akidah dan kesucian agama Islam. Kes-kes seperti *Sulaiman Takrib lwn Kerajaan Negeri Terengganu* (2009), *Fathul Bari Mat Jahaya & Anor lwn Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Ors* (2012), *Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis dll lwn State Government of Negeri Sembilan* (2014), *ZI Publications Sdn Bhd & SL lwn Kerajaan Negeri Selangor* (2016) dan sebagainya gagal menggugat malah mengukuhkan lagi kedudukan peruntukan kesalahan jenayah syariah.

Evolusi pendekatan pentafsiran yang luas kepada perintah agama ini berubah apabila pendakwaan terhadap kesalahan liwat pada tahun 2019 telah dikenakan terhadap seorang lelaki bernama Ikiputra Mubarrak (*Ikiputra bin Mubarrak lwn Kerajaan Negeri Selangor* (2021) 2 MLJ 323). Peruntukan seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 telah dicabar dan Mahkamah Syariah didakwa tidak mempunyai bidang kuasa membicarakan kes tersebut. Mahkamah Persekutuan, dengan memakai ujian inti pati dan klausa pengecualian, telah membenarkan cabaran ini sekaligus memutuskan bahawa Badan Perundangan Negeri Selangor melampaui kuasanya apabila membuat undang-undang kesalahan liwat di

bawah seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995. Kesalahan liwat atau seks luar tabie adalah jenayah yang termasuk di bawah bidang kuasa Persekutuan dan merupakan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Keputusan *Ikiputra* ini menimbulkan perdebatan meluas mengenai sempadan bidang kuasa undang-undang syariah dan sivil. Ia turut mencetuskan gesaan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengukuhkan kedudukan undang-undang kesalahan jenayah syariah (Berita Harian, 2021). *Nik Elin* seterusnya mengukuhkan lagi peralihan pentafsiran kepada pendekatan yang lebih ketat.

Terdapat pelbagai reaksi dan penulisan yang mengulas keputusan kes *Nik Elin*. Kebanyakannya cenderung kepada aspek analisis kes tanpa menyentuh implikasi doktrinal kepada kesalahan jenayah syariah itu sendiri. Mohamed Jani *et al.*, (2024) mendapati *Nik Elin* tidak memberi sebarang kesan kepada kuasa sedia ada mahkamah syariah selagi mana proses penggubalan undang-undang adalah mengikut skop dan kompetensi yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Ulasan kes yang dibuat pula menjurus ke arah penegasan bahawa keputusan kes ini telah memberikan pandangan yang jelas mengenai peranan dan bidang kuasa Parlimen dan badan perundangan negeri dalam penggubalan undang-undang khususnya mengenai kesalahan terhadap agama (Abdul Aziz *et al.*, 2024). Terdapat juga pihak yang membuat rumusan bahawa kes ini tiada kaitan dengan kedudukan mahkamah syariah atau doktrin agama Islam, sebaliknya ia hanya menegaskan kepentingan mengetahui skop dan kompetensi bidang kuasa penggubalan undang-undang agar kedudukan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara dihormati (Mohamed Jani *et al.*, 2024; Ramalingam, 2024). Ada yang mendapati keputusan kes ini menunjukkan kepentingan pengharmonian antara undang-undang persekutuan dengan undang-undang negeri untuk memastikan keadilan dalam sistem perundangan negara (Aziz *et al.*, 2024). Isu bersabit teknikaliti seperti *locus standi* sebagai suatu konsep moden juga turut dikupas, namun menganggapnya sebagai tidak penting isu substantif lain (Teoh Shu Yee & Ahmad Muzhaffar, 2024). Turut dikupas juga ialah isu proses semakan kehakiman (Tan Jun Yu, 2024). Walaupun banyak ulasan terhadap kes *Nik Elin* telah dibuat, perbincangan mengenai implikasi dan hala tuju pembaharuan undang-undang kesalahan jenayah syariah masih terhad. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti prinsip kehakiman yang digunakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam membuat keputusan, menganalisis implikasi keputusan *Nik Elin* dan mengemukakan kerangka konseptual dan cadangan dasar untuk mengukuhkan undang-undang kesalahan jenayah syariah dalam ruang lingkup yang ada.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan penyelidikan perundangan doktrinal berasaskan reka bentuk kajian kes. Fokus utama ialah keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Nik Elin Zurina bt Nik Abdul Rashid & Anor lwn Kerajaan Negeri Kelantan* (2024) 2 MLJ 150. Data primer terdiri daripada laporan kes, peruntukan Perlembagaan Persekutuan serta statut berkaitan, manakala data sekunder merangkumi kes-kes terdahulu, penulisan akademik dan ulasan kehakiman. Dari segi analisis, kajian ini menggunakan analisis kandungan dan analisis tematik perundangan untuk mengenalpasti prinsip-prinsip yang digariskan dalam penghakiman, menilai keputusan, hujah perundangan dan implikasi yang timbul dari keputusan tersebut terhadap kedudukan kesalahan jenayah syariah, kompetensi badan perundangan negeri dan bidang kuasa mahkamah syariah.

### Latarbelakang Petisyen

Pada 25 Mei 2022, Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid dan anaknya, Tengku Yasmin Natasha Tengku Abdul Rahman telah memohon kebenaran daripada Mahkamah Persekutuan untuk membawa satu petisyen bagi mencabar kesahan peruntukan-peruntukan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (I) (2019) Kelantan (selepas ini EKJS 2019). Tiga alasan telah diberikan dalam mengemukakan cabaran perundangan (*incompetency challenge*) ini. Pertama: peruntukan-peruntukan tersebut adalah di luar kuasa Badan Perundangan Negeri Kelantan. Kedua: Item 1 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang kesalahan dan hukuman yang dilakukan oleh orang Islam terhadap perintah agama, kecuali pada perkara yang termasuk di bawah Senarai Persekutuan. Ketiga: peruntukan-peruntukan yang dipertikaikan itu membabitkan perkara-perkara di bawah Senarai Satu iaitu Senarai Persekutuan. Selain itu, pempetisyen turut melahirkan kekhuatiran bahawa mereka bakal tertakluk kepada EKJS 2019 itu apabila menetap di negeri Kelantan pada masa akan datang. Pada 30 September 2022, kebenaran telah diperolehi daripada Mahkamah Persekutuan. Pada 9 Februari 2024, Mahkamah Persekutuan telah menegaskan bahawa petisyen yang

dibuat ini berada di bawah bidang kuasa asal dan eksklusif Mahkamah Persekutuan. Kes ini didengar di hadapan sembilan orang hakim yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimon Tuan Mat.

Permohonan dibuat berdasarkan kepada Perkara 4(3) dan 4(4) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan kesahan mana-mana undang-undang dipersoalkan di Mahkamah. Perkara 4(3) dan 4(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai kaedah bagaimana mempersoalkan keesahan undang-undang di mahkamah. Ia menyatakan seperti berikut:

(3) Sahnya sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau oleh Badan Perundangan Negeri tidak boleh dipersoalkan atas alasan bahawa undang-undang itu adalah membuat peruntukan mengenai apa-apa perkara yang Parlimen atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Badan Perundangan Negeri, tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang kecuali dalam pembicaraan untuk mendapatkan suatu penetapan yang undang-undang itu adalah tidak sah atas alasan itu atau –

(a) jika undang-undang itu telah dibuat oleh Parlimen, dalam pembicaraan antara Persekutuan dengan satu atau beberapa negeri

(b) jika undang-undang itu telah dibuat oleh Badan Perundangan Negeri, dalam pembicaraan antara Persekutuan dengan Negeri itu.

(4) Prosiding untuk mendapatkan penetapan bahawa sesuatu undang-undang adalah tidak sah tidak boleh dimulakan tanpa kebenaran hakim Mahkamah Persekutuan; dan Persekutuan berhak menjadi satu pihak dalam mana-mana prosiding itu, dan begitulah juga dengan mana-mana Negeri yang akan atau mungkin menjadi satu pihak dalam prosiding yang dibawa bagi maksud yang sama di bawah perenggan (a) atau (b) Fasal itu.

Mahkamah secara majoriti berpendapat bahawa sesiapa sahaja, selain daripada pihak Persekutuan atau Negeri, berhak mengemukakan cabaran perundangan berdasarkan kepada Perkara 4(3), 4(4) dan 128(1) Perlembagaan Persekutuan, tertakluk kepada kebenaran (*leave*) yang diberikan. Ketiga-tiga peruntukan ini menegaskan bidang kuasa eksklusif Mahkamah Persekutuan tentang beberapa pertikaian yang boleh dibawa terus ke Mahkamah tertinggi itu. Perkara 128(1) menetapkan:

Hanya Mahkamah Persekutuan sahaja, dan tidak mana-mana mahkamah lain, mempunyai bidang kuasa bagi memutuskan mengikut mana-mana kaedah mahkamah yang mengawal selia perjalanan bidang kuasa sedemikian –

(a) apa-apa soal sama ada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan sesuatu Negeri adalah tidak sah atas alasan bahawa undang-undang itu membuat peruntukan mengenai sesuatu perkara yang mengenyainya Parlimen atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Badan Perundangan Negeri itu tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang; dan

(b) pertikaian atas apa-apa soal lain antara Negeri dengan Negeri atau antara Persekutuan dengan mana-mana Negeri.

Pempetisyen memohon deklarasi bahawa 20 peruntukan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Kelantan adalah tidak sah dan sekali gus terbatal, atas alasan bahawa Dewan Undangan Negeri Kelantan tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan peruntukan tersebut. 20 peruntukan yang dicabar dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah tersebut adalah:

1. Seksyen 5 (dakwaan palsu);
2. Seksyen 11 (memusnahkan tempat ibadat);
3. Seksyen 13 (menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam atau orang Islam yang keji akhlaknya);
4. Seksyen 14 (liwat);
5. Seksyen 16 (persetubuhan dengan mayat);

6. Seksyen 17 (persetubuhan dengan bukan manusia);
7. Seksyen 30 (kata-kata yang boleh memecah keamanan);
8. Seksyen 31 (gangguan seksual);
9. Seksyen 34 (memiliki dokumen palsu, memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu);
10. Seksyen 36 (apa-apa yang mengkhayalkan);
11. Seksyen 37(1)(a) (berjudi);
12. Seksyen 39 (mengurangkan ukuran, sukatan, dan timbangan);
13. Seksyen 40 (melakukan transaksi muamalat yang berlawanan dengan hukum syarak);
14. Seksyen 41 (melakukan transaksi muamalat secara riba dll.);
15. Seksyen 42 (penyalahgunaan penandaan dan perbahasan halal);
16. Seksyen 43 (menawar atau memberi perkhidmatan maksiat);
17. Seksyen 44 (perbuatan sebagai persediaan untuk menawarkan atau memberi perkhidmatan maksiat);
18. Seksyen 45 (perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan maksiat);
19. Seksyen 47 (sumbang mahram) dan;
20. Seksyen 48 (muncikari).

Pempetisyen kemudiannya menarik balik cabaran terhadap dua peruntukan iaitu seksyen 5 (dakwaan palsu) dan 37(1)(a) (perbuatan berjudi) kerana menganggap kedua-dua peruntukan tersebut adalah menepati kehendak Perlembagaan, justeru, menjadikan keseluruhan jumlah peruntukan yang dicabar adalah sebanyak 18.

### **Hujah Pempetisyen**

Peguam pempetisyen mengemukakan dua pendekatan dalam argumen mereka. Pertama: pendekatan perbandingan dan kedua: pendekatan ujian inti pati seperti yang pernah digunakan dalam kes-kes terdahulu. Peguam cuba menunjukkan kewujudan pertindihan antara undang-undang persekutuan dan Enakmen 2019 apabila mengemukakan Jadual Perbandingan di antara Enakmen 2019 dan senarai undang-undang Persekutuan yang berkaitan dengan hal perkara yang sama. Peguam menghujahkan bahawa oleh kerana telah wujud undang-undang Persekutuan mengenai sesuatu hal perkara, maka Badan Perundangan Negeri tidak lagi kompeten untuk membuat undang-undang yang sama. Dalam hujah balasnya, pihak Responden mempertahankan peruntukan-peruntukan tersebut dan menekankan bahawa pempetisyen gagal menunjukkan persamaannya *in pari materia* dengan undang-undang Persekutuan.

YAA Hakim mengingatkan bahawa garis hujahan (*line of argument*) sedemikian telah pun ditolak dalam kes *Ikiputra Mubarrak lwn Kerajaan Negeri Selangor*. Justeru, cubaan untuk mengemukakan semula hujahan yang sama dalam kes *Nik Elin* ini disifatkan sebagai tidak wajar dan tidak membantu Mahkamah dalam membuat penilaian. Amalan membawa kembali hujahan dan cadangan yang telah ditolak dalam kes sebelum ini adalah tidak sesuai bagi amalan profesional. Mahkamah meneruskan perbicaraan setelah mengenal pasti isu-isu utama.

### **Bantahan Responden dan Pencelah**

Responden yang dinamakan iaitu Kerajaan Negeri Kelantan, satu-satunya responden dalam kes ini telah mengemukakan bantahan terhadap petisyen ini. Menurut Responden, pempetisyen sepatutnya menamakan Badan Perundangan Negeri Kelantan atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) kerana badan-badan inilah yang bertanggungjawab melaksanakan peruntukan-peruntukan yang dicabar. Responden turut membantah dengan mengemukakan hujah bahawa kebenaran telah salah

diberi oleh Mahkamah Persekutuan kerana pempetisyen gagal menunjukkan bahawa mereka mempunyai *locus standi* untuk membuat petisyen ini. Dalam hal ini, pempetisyen mestilah menunjukkan kilanan dan kesan mereka telah terjejas secara negatif ekoran peruntukan tersebut. Sekadar justifikasi rasa takut dan bimbang tidak boleh diterima apabila melibatkan cabaran kepada undang-undang.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang diberi kebenaran berhujah selaku *amicus curiae* pula mengemukakan hujah kepada Mahkamah Persekutuan bahawa petisyen sebegini hanya boleh diputuskan sebagai tidak sah (*invalid*) dan bukan terbatal (*null and void*)

Sebelum menganalisis kes ini, YAA Ketua Hakim Negara terlebih dahulu menjawab isu-isu permulaan yang dibangkitkan oleh Responden seperti isu *locus standi*, bantahan responden dan pencilah.

### Jawapan Kepada Bantahan Responden dan Pencilah

Menjawab isu mengenai *locus standi*, Mahkamah Persekutuan, berasaskan kepada kes-kes terdahulu, terutamanya kes *Wong Shee Kai lwn Kerajaan Malaysia (2022)*, mendapati bahawa *locus standi* perlu dilonggarkan untuk memberikan kebenaran kepada sesiapa sahaja yang berjiwa kemasyarakatan (*public-spirited person*) untuk mengemukakan cabaran perundangan terhadap mana-mana undang-undang dengan syarat dia mempunyai kepentingan dalam undang-undang tersebut.

*Locus standi refers to the standing or right of the person to sue. The most recent decision by this court on this issue is that in Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Perbadanan Pengurusan Trellises & Ors And Other Appeals (2023) 5 CLJ 167; (2023) 3 MLJ 829 ('Taman Rimba'). In that case, the court endorsed the minority judgment of Eusoffe Abdoolcader SCJ in Government Of Malaysia v. Lim Kit Siang & Another Case (1988) 1 CLJ 219; (1988) 1 CLJ (Rep) 63; (1988) 2 MLJ 12 ('Lim Kit Siang'). Summarising the analysis therein, locus standi ought to be relaxed as much as possible to allow any public-spirited person to file a public lawsuit provided that he has some interest in the matter (para 22).*

Justeru, Mahkamah secara majoriti berpendapat bahawa pempetisyen mempunyai *locus standi* apabila menegaskan bahawa:

*All citizens (and in some cases all persons) are entitled to rely on the FC for protection and to approach the Federal Court for competency challenge under arts 4(4) and 128 of the Federal Constitution (para 31).*

Mengenai bantahan Kerajaan Negeri Kelantan tentang kesilapan menamakan mereka selaku Responden, Pempetisyen menjelaskan bahawa isu menamakan Responden sebagai pihak yang sesuai telah dibangkitkan ketika permohonan kebenaran dibuat. Namun, ketika permohonan didengar di hadapan Hakim, Responden tidak pula membangkitkan sebarang bantahan, menyebabkan pempetisyen berpandangan bahawa Responden memperakui kedudukan mereka sebagai Responden yang betul dalam kes ini. Mahkamah Persekutuan dalam mempertimbangkan bantahan Responden ini berpendapat bahawa memandangkan tiada definisi khusus mengenai “Kerajaan Negeri” di bawah Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan, maka “Kerajaan Negeri” adalah umum dan ia boleh termasuk Dewan Undangan Negeri yang mana kedua-duanya mempunyai kuasa dalam membuat undang-undang. Selain itu, bantahan ini adalah mengenai kuasa membuat peruntukan-peruntukan yang dicabar dan bukan penguatkuasaannya, justeru JAHEIK tidak perlu dinamakan sebagai responden.

Mahkamah Persekutuan turut menolak bantahan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang menghujahkan bahawa petisyen sebegini hanya boleh diputuskan sebagai tidak sah (*invalid*) dan bukan terbatal (*null and void*). Mahkamah berpendapat bahawa Perkara 4(3) dan 4(4) sudahpun menjelaskan kesan sekiranya sesuatu undang-undang itu tidak sah (*invalid*), maka ia juga boleh terbatal (*null and void*). Mahkamah juga menolak bantahan tentang menamakan kerajaan negeri sebagai responden. Pada pendapat Mahkamah Persekutuan, Kerajaan Kelantan boleh dinamakan sebagai Responden dalam kes ini.

### Isu Utama *Nik Elin*

Isu utama dalam kes ini ialah sama ada Responden, menerusi Badan Perundangan Negeri Kelantan, mempunyai bidang kuasa di sisi Perlembagaan untuk menggubal peruntukan-peruntukan yang dicabar itu. Adakah peruntukan-peruntukan yang dipertikaikan itu mempunyai kesahan dari segi Perlembagaan. Dalam penghakiman ini, Mahkamah telah menyentuh secara panjang lebar empat perkara utama iaitu kedudukan Senarai Negeri; prinsip federalisme; tafsiran prinsip perintah agama, keagamaan semata-mata dan undang-undang jenayah serta kedudukan peruntukan-peruntukan yang dipertikaikan. Kesemua perkara di atas berkait antara satu sama lain.

#### *Federalisme, Perintah Agama, Keagamaan Semata-mata dan Undang-Undang Jenayah*

YAA membuat pemerhatian bahawa petisyen ini timbul akibat salah pemahaman atau salah tafsiran tentang undang-undang jenayah. Negeri dikatakan boleh membuat apa-apa kesalahan di bawah undang-undang jenayah jika belum ada sebarang peruntukan sepertinya di bawah undang-undang Persekutuan. Jika ada sekalipun peruntukan di bawah undang-undang Persekutuan, jika ia digubal menggunakan istilah berlainan, maka Negeri masih boleh membuatnya. Salah faham seterusnya ialah bahawa Negeri boleh membuat peruntukan kesalahan jenayah selagi mana ia berkenaan dengan perintah agama. Dengan menelusuri sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan dan merujuk kes-kes yang menjadi preseden seperti *Che Omar Che Soh* (1988), *Mamat bin Daud* (1988), *Sukma Darmawan* (1999), *Sulaiman Takrib* (2009), *Ikiputra* (2021) dan *SIS Forum (M) lwn Kerajaan Negeri Selangor* (2022), Mahkamah menegaskan bahawa kesalahan terhadap agama bertujuan untuk menjaga kesucian agama Islam dan ianya tidak termasuk undang-undang jenayah yang dikhaskan kepada kuasa Parlimen. Mahkamah telah memakai ujian inti pati berdasarkan tiga prinsip berikut:

- (a) Jika seksyen-seksyen yang dipertikai adalah kesalahan terhadap perintah agama;
  - i. secara inti pati (*pith and substance*) berkaitan dengan perkara yang merujuk Item 1 di bawah Senarai Negeri atau sebarang peruntukan di bawah Perlembagaan dan undang-undang tersebut hanya terpakai kepada orang yang menganut agama Islam;
  - ii. ia adalah kesalahan agama semata-mata (*purely religious offences*) melibatkan akidah, kesucian agama dan institusinya atau berkaitan moral, maka ia adalah undang-undang yang mana badan perundangan negeri mempunyai kuasa untuk membuatnya.
- (b) Jika seksyen yang dipertikaikan itu adalah secara intipatinya adalah kesalahan agama semata-mata yang tidak boleh dirujuk kepada sebarang perkara di bawah Senarai Persekutuan dan ia hanya melibatkan orang Islam di negara ini (contoh jika seseorang mengaku dirinya sebagai nabi), maka ia termasuk di bawah kuasa badan perundangan negeri untuk membuat undang-undang.
- (c) Jika seksyen yang dipertikaikan itu adalah kesalahan mengikut agama Islam, tetapi secara inti pati termasuk di bawah undang-undang jenayah di dalam Senarai Persekutuan atau di bawah undang-undang jenayah awam yang membabitkan elemen ketenteraman awam, keselamatan, kesihatan, sekuriti, moraliti dan sebagainya yang sesuai untuk pemakaian awam, maka ia tertakluk kepada klausa pengecualian (*preclusion clause*) yang dinyatakan di bawah Item 1 Senarai Negeri. Misalnya kesalahan membunuh, merompak, rasuah adalah larangan atau jenayah menurut Islam tetapi ia termasuk di bawah inti pati undang-undang jenayah yang terpakai kepada semua di dalam negara ini.

Menurut YAA Ketua Hakim Negara, ujian bagi menentukan prinsip tersebut adalah dengan menilai karakteristik umum sesuatu kesalahan, sama ada ia tergolong sebagai kesalahan terhadap perintah agama semata-mata atau sebagai undang-undang jenayah, dengan mengambil kira struktur Perlembagaan Persekutuan yang cenderung bersifat sekular.

Dalam mengesahkan pemakaian ujian *pith and substance* dan seterusnya membuat penetapan kepada bidang kuasa Persekutuan dan negeri, Mahkamah menuruti keputusan kes *Ikiputra (2021)* yang memperbetulkan apa yang disebut sebagai “cara yang salah dalam mentafsir item 1 dalam *Sulaiman Takrib*” (*incorrect way of interpreting Item 1 in Sulaiman Takrib*) apabila diputuskan bahawa selagi tiada peruntukan yang sama dalam undang-undang persekutuan, maka undang-undang kesalahan syariah adalah sah. Ketua Hakim Negara memperbetulkan perkara ini, dan menegaskan bahawa kedudukan peruntukan undang-undang yang dipertikaikan itu sepatutnya dilihat sama ada ia termasuk di bawah senarai Persekutuan dan bukannya undang-undang persekutuan. *Pith and substance* merujuk kepada bukan semata-mata penampilan luaran mengenai perkara pokok, tetapi juga inti pati secara keseluruhan yang mesti dipertimbangkan.

*it is not the outward appearance of the law in question and the words it uses that matters rather the law must be examined as a whole to ascertain whether it deals, in pith and substance, with a subject matter upon which the body making it has the power to enact in accordance with the Legislative Lists” (Nik Elin Zurina bt Nik Abdul Rashid & Anor lwn Kerajaan Negeri Kelantan (2024) 2 MLJ 150, perenggan 61).*

Panel Hakim Mahkamah Persekutuan yang terdiri dari lapan orang hakim membuat keputusan mendapati 16 daripada 18 seksyen yang dipertikaikan adalah tidak sah dan terbatal, manakala dua seksyen iaitu seksyen 13 dan seksyen 30 adalah sah. Badan Perundangan Negeri Kelantan didapati melangkaui batasan yang ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan apabila meluluskan peruntukan-peruntukan yang dipertikaikan itu. Asas kepada kuasa dan bidang kuasa negeri dalam pembuatan undang-undang syariah adalah Item 1 Senarai Negeri di mana bahagian yang relevan ialah:

*1.Except with respect to the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya,... creation and punishment of offences by persons profesing the religion of Islam against precepts of that religion, except in regard to matters included in the Federal List;...*

Justeru, penting untuk ditentukan parameter kedudukan kesalahan terhadap perintah agama yang tidak termasuk di bawah senarai Persekutuan.

#### *Pemakaian Ujian Inti Pati dalam Memahami Undang-undang Jenayah Syariah*

Berikut adalah ulasan yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan berdasarkan ujian inti pati:

#### *Seksyen-Seksyen Yang Diputuskan Sebagai Tidak Sah*

##### *i. Seksyen 11 (memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat)*

Mahkamah berpendapat bahawa peruntukan ini bukan semata-mata kesalahan terhadap agama, sebaliknya mengandungi inti pati berkaitan dengan jenayah kebencian. Ini kerana penggubalannya bertujuan untuk menghukum perbuatan memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat yang dapat menjejaskan keharmonian kaum dan ketenteraman awam, baik dalam kalangan Muslim mahu pun bukan Muslim. Walaupun unsur kesalahan terhadap agama itu wujud, namun *actus reus* nya ialah perbuatan memusnahkan, mencemarkan dan merosakkan tempat ibadat dengan niat hendak menghina agama. Justeru, ia berkaitan dengan jenayah awam dan bukan kesalahan terhadap agama Islam semata-mata.

Selain itu, mahkamah juga tidak mendapati hujahan yang jelas daripada pihak responden untuk menunjukkan bahawa kesalahan dalam seksyen ini boleh dirujuk kepada mana-mana entri dalam Butiran 1 Senarai Negeri. Rujukan yang paling hampir ialah entri di subseksyen 11(1) yang menyatakan: “... *masjid atau mana-mana tempat ibadat awam Islam...*” yang secara munasabah termasuk mewujudkan kesalahan atau menghukum perbuatan yang cuba memusnahkan, mencemarkan atau mencemarkan tempat sedemikian sebagai sebahagian daripada “*perintah agama*”. Manakala hal ini tidak terpakai bagi subseksyen 11(2) yang menguruskan tempat ibadat bukan Muslim yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Butiran 1 Senarai Negeri.

Meskipun begitu, mahkamah akhirnya memutuskan bahawa subseksyen 11(1) turut tidak mempunyai *nexus* kepada Butiran 1 Senarai Negeri. Hal ini kerana apabila dinilai dari segi inti pati, matlamat seksyen itu kelihatan lebih disasarkan kepada penghukuman jenayah kebencian yang menggugat ketenteraman awam, keharmonian dan keselamatan yang termasuk dalam undang-undang jenayah umum dalam Butiran 4 berbanding semata-mata menggubal undang-undang mengenai "... *masjid atau mana-mana tempat ibadat awam Islam...*".

ii. *Seksyen 14, 16, 17 dan 47 (Persetubuhan dengan mayat, liwat dan hubungan seksual dengan mayat dan bukan manusia)*

Mahkamah berpendapat bahawa keempat-empat kesalahan ini boleh dihuraikan bersama kerana berkaitan dengan kesalahan seksual iaitu perlakuan seks luar tabii. Kesemuanya terikat dengan keputusan kes *Ikiputra*, yang mana kesalahan-kesalahan ini tertakluk kepada klausa menghalang (*preclusion clause*) kepada Butiran 1 Senarai Negeri, dan dianggap sebagai undang-undang jenayah umum yang berada di bawah kuasa penggubalan Parlimen.

Walaupun ia kelihatan menyentuh makna yang luas bagi "perintah agama Islam", namun jika dilaksanakan dalam undang-undang, kesalahan ini boleh dikenakan sama rata baik kepada Muslim dan bukan Muslim. Oleh kerana itu, mahkamah menegaskan bahawa ia bukan kesalahan terhadap perintah agama semata-mata. Pada masa yang sama, kesalahan berkenaan seks luar tabii sudah pun diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan.

iii. *Seksyen 31 Gangguan Seksual*

Mahkamah menganggap inti pati bagi seksyen ini ialah untuk menghukum kesalahan gangguan seksual, tanpa mengira ianya berkaitan dengan bukan mahram mahu pun sebaliknya. Oleh itu, kesalahan gangguan seksual tidak boleh dikategorikan sebagai kesalahan terhadap perintah agama semata-mata, disebabkan oleh ciri-cirinya yang umum sebagai undang-undang jenayah sehingga tidak sesuai digolongkan sebagai kesalahan jenayah syariah yang khusus untuk orang Islam sahaja. Ketika kes ini dibicarakan Akta Anti Gangguan Seksual 2022 sudah pun diluluskan. Dalam kes *Mohd Ridwan Abdul Razak lwn Asmah Mohd Noor (2015) 4 CLJ 295* diputuskan bahawa tindakan saman sivil menurut prinsip undang-undang tort boleh diambil terhadap pelaku gangguan seksual.

iv. *Seksyen 34 (Memiliki dokumen palsu, memberikan keterangan, maklumat atau kenyataan palsu)*

Kesalahan-kesalahan yang disebut di atas adalah berkaitan dengan menghalang proses keadilan, sumpah palsu dan bukti palsu, khususnya yang berkaitan dengan prosiding di mahkamah syariah. Di bawah Butiran 1 Senarai Negeri, sememangnya Negeri diberi kuasa untuk menubuhkan Mahkamah Syariah dan menggubal undang-undang berhubung Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang menjadi bidang kuasa substantif Mahkamah Syariah hanyalah yang berhubung perkara-perkara dalam Butiran 1 Senarai Negeri. Dalam hal ini, tiada disebut dalam entri berkenaan bahawa ianya termasuk pembentukan, penyusunan dan Tatacara Mahkamah Syariah. Justeru, kesemuanya termasuk di bawah bidang kuasa persekutuan.

v. *Seksyen 36 (apa-apa yang memabukkan)*

Mahkamah mendapati bahawa tiada sebarang definisi diberikan di bawah EKJS Kelantan 2019 tentang maksud "apa-apa yang memabukkan" (selain dari definisi sebagai minuman yang memabukkan di bawah seksyen 35 yang tidak dicabar). Ini menyebabkan Seksyen 36 dianggap oleh Mahkamah sebagai terlalu kabur untuk digunapakai.

Selain itu, dalam menentukan sama ada kesalahan ini dapat dianggap termasuk dalam kategori yang berkaitan dengan "perintah agama Islam", mahkamah tidak menemui sebarang entri rujukan dalam Butiran 1 Senarai Negeri yang boleh dikaitkan. Justeru, mahkamah perlu mempertimbangkan sama ada klausa menghalang terpakai terhadap kesalahan ini. Mahkamah

mendapati bahawa terdapat item 14(d) dalam Senarai Persekutuan yang merujuk kepada “arak dan dadah yang memabukkan”. Justeru, klausa menghalang adalah terpakai bagi seksyen ini, kerana termasuk dalam bidang kuasa Parlimen untuk menggubal undang-undang yang berurusan dengan perkara sedemikian termasuk penciptaan dan penghukuman kesalahan berkaitan dengannya.

vi. *Seksyen 37(1)(b) (Judi)*

Mahkamah tidak mengulas mengenai kedudukan seksyen 37(1)(a) iaitu kesalahan judi, kerana ia telah ditarik balik oleh pempetisyen. Sebaliknya Mahkamah mengulas tentang kesalahan seksyen 37(1)(b) yang secara khusus tentang mengadakan premis judi yang membenarkan aktiviti perjudian tanpa mengira ianya perbuatan atau tempat yang sah ataupun tidak di sisi undang-undang. Dalam hal ini, mahkamah mengakui bahawa judi dianggap sebagai suatu bentuk maksiat dan semestinya boleh dianggap sebagai kesalahan yang melanggar “perintah agama Islam” meskipun tidak terdapat rujukan yang jelas di dalam Butiran 1 Senarai Negeri.

Justeru, mahkamah perlu mempertimbangkan sama ada klausa menghalang terpakai terhadap kesalahan perjudian ini. Mahkamah memperakui hujahan pempetisyen bahawa perbuatan pertaruhan dan loteri adalah merupakan subjek dalam Senarai Persekutuan yang dinyatakan dengan jelas oleh Butiran 4(l) Senarai Persekutuan. Mahkamah berpandangan bahawa kesalahan perjudian dalam seksyen ini turut termasuk dalam kategori pertaruhan dan loteri di bawah kuasa Persekutuan yang menjadikan seksyen tersebut tidak berperlembagaan.

vii. *Seksyen 39 (mengurangkan ukuran, sukatan dan timbangan)*

Bagi seksyen ini, Mahkamah bersetuju dengan hujahan pempetisyen bahawa inti pati bagi peruntukan ini jelas termasuk di bawah bidang kuasa Persekutuan iaitu Butiran 8 (f) Senarai Persekutuan dalam urusan penentuan timbangan berat dan ukuran. Dengan itu, seksyen ini adalah tidak berperlembagaan kerana responden tidak mempunyai kuasa untuk membuatnya.

viii. *Seksyen 40 dan 41 (transaksi muamalat dan yang berunsur riba)*

Sama seperti seksyen sebelumnya, segala transaksi perbankan, kewangan, saham, pertukaran wang asing dan sebagainya kesemuanya telah berada di bawah senarai Persekutuan, terutamanya di bawah Butiran 7 yang telah menyenaraikan secara terperinci perkara-perkara berkaitan kewangan termasuk perbankan, pemberian pinjaman, kawalan kredit dan seumpamanya.

ix. *Seksyen 42 (Penyalahgunaan label halal)*

Mahkamah bersetuju dengan hujahan pempetisyen bahawa seksyen ini adalah tidak berperlembagaan kerana dari segi ujian inti pati ia didapati berkaitan dengan Butiran 8 Senarai Persekutuan yang dibaca bersama Butiran 4 Undang-Undang Persekutuan berkenaan Undang-Undang Jenayah. Butiran 8 menunjukkan bahawa peruntukan kawalan makanan apabila ditafsir secara luas akan merangkumi piawaian makanan dan keselamatan. Ia juga perlu dibaca bersama dengan Butiran 4(k) yang membenarkan Parlimen untuk menentukan hukum Islam bagi kegunaan undang-undang persekutuan. Rentetan daripada itu, penggunaan dan penyalahgunaan logo halal juga termasuk perkara dalam Senarai Persekutuan.

x. *Seksyen 43, 44, 45 dan 48 (persediaan melakukan maksiat, muncikari dan sumbang mahram).*

Kesemua kesalahan di bawah seksyen-seksyen ini dibincangkan secara bersama oleh Mahkamah kerana menyentuh kandungan yang sama iaitu hukuman terhadap perbuatan maksiat yang berunsur seksual. Dalam hal ini, Mahkamah memperakui bahawa seksyen-seksyen ini boleh dikira sebagai kesalahan terhadap perintah agama dalam pengertiannya yang luas walaupun tidak mempunyai rujukan jelas terhadap sebarang entri dalam Butiran 1 Senarai Negeri. Mahkamah turut memperakui bahawa kesalahan-kesalahan berbentuk perkhidmatan maksiat ini juga tidak mempunyai sebarang entri khusus dalam Senarai Persekutuan. Mahkamah menggunakan ujian intipati bagi mempertimbangkan sama ada

seksyen-seksyen ini boleh dianggap sebagai kesalahan terhadap perintah agama semata-mata yang tidak termasuk dalam ruang lingkup undang-undang jenayah umum dalam kategori kedua Butiran 4 Senarai Persekutuan. Mahkamah mendapati bahawa intipati kesalahan-kesalahan berkenaan adalah berkenaan dengan kesalahan percubaan pelacuran dalam satu bentuk atau lain. Pelacuran pula merupakan kesalahan umum yang berada dalam bidang kuasa Persekutuan dan bukannya Negeri.

Selain itu, mahkamah turut berpandangan bahawa kesalahan-kesalahan meminta perkhidmatan maksiat dan pelacuran adalah jenayah yang mempengaruhi bukan sahaja orang Islam. Dalam erti itu, ia dianggap bukan kesalahan terhadap perintah agama semata-mata kerana ia adalah isu undang-undang jenayah umum yang berkaitan dengan ketenteraman awam, keselamatan, kesihatan dan sebagainya.

#### *Seksyen-Seksyen Yang Diputuskan Sebagai Sah*

- i. *Seksyen 13 (menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam atau orang Islam yang keji akhlaknya)*

Seksyen ini diputuskan sah oleh Mahkamah setelah dilakukan ujian intipati bagi seksyen ini. Seksyen ini adalah untuk mengharamkan pemindahan penjagaan anak (jual/beri/serahkan) kepada orang bukan Islam atau orang Islam yang “keji akhlaknya”. Mahkamah mendapati intipati seksyen ini adalah berkenaan undang-undang penjagaan dan keluarga Islam, dari aspek untuk menjaga status agama dan kebajikan anak orang Islam serta mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan lain di kalangan orang yang menganut agama Islam. Peruntukan ini termasuk di bawah Butiran 1 Senarai Negeri. Ia juga berkaitan dengan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa negeri-negeri boleh membuat undang-undang bagi tujuan mengawal atau menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganut agama Islam.

- ii. *Seksyen 30 (kata-kata yang boleh memecah keamanan)*

Demikian juga ujian intipati seksyen 30 ini mendapati bahawa ia adalah untuk mengawal atau menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganut agama Islam, bukannya untuk semata-mata menghukum kesalahan memecah keamanan. Oleh itu, ia adalah sah kerana berkenaan dengan perkara yang Badan Perundangan Negeri Kelantan mempunyai kuasa untuk membuatnya.

#### **Pendapat Minoriti (*Dissenting View*)**

Yang Amat Arif Tan Sri Abdul Rahman Sebli, Hakim Besar Sabah dan Sarawak (ketika itu) memberikan pandangan yang berbeza daripada pendapat majoriti. YAA Hakim berpendirian bahawa petisyen Nik Elin tidak memenuhi syarat asas untuk dibicarakan di bawah Artikel 4(4) dibaca bersama Artikel 128(1)(a) Perlembagaan Persekutuan, kerana kegagalan pihak pempetisyen membuktikan *locus standi* yang sah dan kewujudan pertikaian sebenar (*real dispute*). Beliau justeru berpendirian bahawa petisyen ini yang telah diberi kebenaran oleh Vernon Ong, HMP, sepatutnya diketepikan sejak awal. YAA menganalisis secara terperinci mengenai *locus standi* (*Nik Elin Zurina bt Nik Abdul Rashid & Iwn Kerajaan Negeri Kelantan* (2024) 2 MLJ 150, perenggan 243-398) dan mengemukakan, antara lain, alasan-alasan yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. *Ketiadaan locus standi iaitu hak untuk membawa suatu tindakan atau untuk didengari.*

Pada pandangan YAA, pempetisyen tiada mempunyai sebarang asas fakta untuk menyokong dakwaan bahawa dia mempunyai hak untuk mencabar undang-undang tersebut. Berdasarkan kes terdahulu seperti *Anwar Ibrahim* (2020) dan *Wong Shee Kai*, YAA menegaskan bahawa *locus standi* merupakan prasyarat asas bagi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Persekutuan. Ketiadaan *standing* bermaksud mahkamah tidak boleh meneruskan pendengaran atas merit, kerana ia akan menjadi “*an exercise in vacuo*” — suatu perbicaraan tanpa fakta konkrit. Dalam konteks ini, beliau menganggap bahawa Mahkamah Persekutuan tidak sepatutnya

membenarkan cabaran bersifat akademik yang tiada pertikaian sebenar antara pihak, apatah lagi apabila tiada ancaman penguatkuasaan terhadap pempetisyen.

YAA turut menegaskan bahawa mahkamah mesti mengutamakan disiplin kehakiman, dan tidak boleh menilai kes semata-mata atas kepentingan awam yang abstrak tanpa asas fakta atau ancaman nyata. Dengan berpaksikan prinsip *rule of law*, beliau menolak pendekatan liberal terhadap *locus standi* dan menegaskan bahawa kuasa kehakiman hanya wajar digerakkan apabila terdapat pertikaian sebenar yang menjejaskan hak konstitusional pihak yang terlibat. Oleh yang demikian, Mahkamah tiada asas untuk menjalankan kuasa eksklusifnya di bawah Per.128(1) Perlembagaan Persekutuan untuk mendengar dan memutuskan permohonan itu.

- ii. Petisyen ini merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

Bagi YAA, tindakan membawa perkara ini ke Mahkamah Persekutuan tanpa asas *locus standi* yang kukuh merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Beliau menegaskan bahawa:

*An abuse of process occurred when a person or party used the legal system in a way that did not serve the underlying goal of a legal action but to achieve a collateral purpose. Such abuse of the court process at any level of the court hierarchy was unacceptable and must not be countenanced by this court. (Nik Elin Zurina bt Nik Abdul Rashid & Anor lwn Kerajaan Negeri Kelantan (2024) 2 MLJ 150, perenggan 270).*

Menurut beliau, semata-mata mempunyai akses terhadap mahkamah bagi menentukan persoalan keperlembagaan sesuatu perkara bukanlah lesen untuk melakukan tuntutan perundangan yang bersifat andaian ataupun demi kepentingan awam yang tidak jelas. Justeru, dengan membenarkan pihak tanpa *locus standi* mencabar undang-undang akan melemahkan doktrin pemisahan kuasa dan membuka ruang kepada litigasi yang bersifat andaian yang menjejaskan kestabilan perundangan negara.

- iii. Ketiadaan perbalahan sebenar.

YAA menegaskan bahawa kes *Nik Elin* ini tidak menimbulkan sebarang perbalahan sebenar yang membolehkan Mahkamah Persekutuan melaksanakan bidang kuasanya di bawah Artikel 128(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Menurut beliau, tugas mahkamah adalah menyelesaikan pertikaian yang nyata dan sebenar, dan bukannya menjawab soalan akademik, hipotetikal ataupun yang berbentuk nasihat.

Berbeza dengan *Ikiputra* yang boleh digambarkan sebagai pesalah yang mengubah undang-undang. Yang Amat Arif menilai bahawa petisyen yang dikemukakan oleh Nik Elin dan anaknya tidak bersandar pada fakta konkrit yang menunjukkan mereka terjejas secara langsung oleh mana-mana peruntukan Enakmen Jenayah Syariah Kelantan (I) 2019 yang dicabar. Tiada bukti menunjukkan bahawa mereka adalah pihak yang terkilan, disiasat, dituduh atau diancam penguatkuasaan di bawah undang-undang tersebut. Oleh itu, dakwaan bahawa enakmen berkenaan boleh digunakan terhadap mereka hanyalah berbentuk kebimbangan andaian masa hadapan yang tidak mewajarkan campur tangan kehakiman.

Justeru, Nik Elin boleh dianggap sebagai penyibuk yang tiada sebarang *locus standi* untuk mengheret Kerajaan ke mahkamah bagi menjawab kilanan peribadinya dengan menggunakan perkara 4(4) dan 128(1) Perlembagaan Persekutuan. Dengan membenarkan beliau memfailkan cabaran akan menghakis keutuhan sistem, menjadikan mahkamah sebagai pentas debat awam yang tidak memberi faedah kepada undang-undang.

Menurut YAA Hakim, biarpun kebenaran telah pun diberi dan diperolehi oleh pempetisyen untuk mengemukakan saman ini, ia masih boleh dibatalkan jika didapati ianya sepatutnya tidak diberi sejak awal. Baginya ia tidak menepati kehendak Per.4(4) bahawa “*penentuan bahawa terdapat pelanggaran yang boleh dipertikaikan terhadap hak-hak perlembagaan pempetisyen, bahawa dia benar-benar berkepentingan dan bahawa dia telah terjejas oleh peruntukan atau peruntukan-peruntukan yang*

*dipertikaikan* (para 355). Walau diberi keizinan sekalipun, Mahkamah Persekutuan masih berhak menolaknya berpandukan kepada kes-kes terdahulu seperti keputusan majoriti dalam kes *Datuk Seri Anwar Ibrahim lwn Kerajaan Malaysia & SL* (2020) 4 MLJ 133.

### Implikasi Keputusan *Nik Elin*

Terdapat beberapa implikasi daripada keputusan kes *Nik Elin* ini, antaranya ialah:

1. Mahkamah Persekutuan telah menegaskan mengenai sempadan bidang kuasa penggubalan undang-undang jenayah syariah oleh Badan Perundangan Negeri yang berdasarkan prinsip inti pati dan klausa pengecualian terhadap Senarai Persekutuan. Hakikatnya ialah Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal kesalahan yang berkaitan dengan perintah agama tanpa melibatkan kesalahan jenayah yang berada di bawah Senarai Persekutuan. Klausa pengecualian itu memandu badan perundangan negeri supaya tidak melangkaui sempadan persekutuan dalam membuat kesalahan terhadap perintah agama.
2. Pengukuhan ujian inti pati. Skop dan tafsiran frasa kesalahan terhadap perintah agama ditentukan menerusi ujian inti pati klausa pengecualian. Ia mestilah kesalahan yang bersifat keagamaan semata-mata (*purely religious offence*) dan terhad kepada kesalahan normatif yang berkaitan dengan akidah, institusi agama dan moraliti. Bermakna tujuan sesuatu perbuatan dijadikan kesalahan syariah ialah untuk menjaga akidah dan moraliti umat Islam serta kesucian institusi agama daripada dicemari oleh perbuatan maksiat.
3. Peralihan paradigma dari kesalahan jenayah syariah kepada kesalahan syariah. *Nik Elin* menunjukkan bahawa istilah kesalahan terhadap perintah agama bukan kesalahan jenayah dalam erti kata sebenar, sebaliknya adalah kesalahan agama. Penulis lebih cenderung untuk mengistilahkan peruntukan-peruntukan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah itu sebagai kesalahan syariah (*shariah offences*) dan bukannya kesalahan jenayah syariah (*shariah criminal offences*). Ini kerana senarai kesalahan jenayah syariah dari segi intipatinya lebih merupakan pelanggaran perintah agama atau perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti perbuatan pemujaan, penyebaran doktrin, penerbitan bertentangan syarak dan sebagainya (Ismail, 2017). Jika diperhatikan kepada sifat kesalahan-kesalahan yang ada, ternyata bahawa kebanyakannya lebih bersifat kesalahan (*wrong*) dan bukannya jenayah (*crime*) yang difahami sebagai perbuatan yang melanggar peraturan yang ditetapkan dan menghasilkan kemudaratan terhadap orang lain baik meliputi nyawa, tubuh badan mahupun harta (Awdah, 1984). Jenayah dalam erti kata sebenar adalah perbuatan yang mencetuskan huru-hara dalam masyarakat, mempunyai mangsa, mengakibatkan kekacauan, ketakutan, ancaman keselamatan yang perlu dikawal oleh statut dan terpakai kepada semua lapisan rakyat. Berdasarkan huraian ini, kesalahan syariah sepatutnya tidak bertindan dengan ruang lingkup jenayah persekutuan. Terma kesalahan syariah perlu diarusperdanakan bagi menggantikan istilah kesalahan jenayah syariah atau undang-undang jenayah Islam apabila menyentuh hal perkara kesalahan syariah di Malaysia. Ia juga lebih menepati konteks dan realiti sebenar di negara ini. Istilah kesalahan syariah lebih mencerminkan sifat normatif kesalahan agama yang terhad kepada kesalahan terhadap perintah agama dan tertakluk kepada kekangan klausa pengecualian di bawah Senarai Negeri. Realiti perundangan di Malaysia jelas menunjukkan bahawa enakmen kesalahan syariah negeri tidak digubal berdasarkan kerangka pembahagian klasikal disiplin ilmu *fiqh al-jinayat* kepada hudud, qisas dan takzir. Justeru, tidak wujud sebarang keperluan untuk menggunakan istilah takzir pada nama enakmen atau mengklasifikasikan kesalahan syariah sebagai kesalahan takzir.
4. Keperluan reformasi undang-undang termasuk penggubalan kesalahan baru dan penyelarasan antara negeri. Persoalannya ialah apakah kesalahan baru yang boleh digubal selepas *Nik Elin*. Soalan ini memerlukan wacana berterusan dalam kalangan pemegang taruh di peringkat persekutuan dan negeri demi menyelaraskan langkah pada masa hadapan. Kebelakangan ini, timbul pelbagai aktiviti yang mengeksploitasi agama. Menurut Polis DiRaja Malaysia (PDRM), aktiviti ajaran sesat, ekstremisme dan kesalahan syariah di alam siber kini menjadi tiga cabaran utama dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini (Harian Metro, 2025). Kumpulan GISB yang dikaitkan dengan amalan perbomohan yang bertentangan dengan hukum syarak, menghina amalan *Ahlussunnah wal Jamaah* dan sebagainya dikatakan terlibat dengan perbuatan yang berkaitan akidah dan keselamatan negara (Bernama, 2024). Masih terdapat kekurangan peruntukan undang-undang kesalahan syariah

yang mantap bagi membuat pertuduhan di Mahkamah Syariah. Beberapa kesalahan berkaitan akidah yang ada, hanya terfokus kepada kesalahan mengajar doktrin palsu, mengaku diri sebagai Nabi atau Imam Mahdi, menyalahi fatwa, mengajar agama tanpa tauliah dan sebagainya. Penyebaran ajaran sesat juga kini berlaku di alam siber di mana media sosial sudah menjadi platform utama bagi menyebarkan fahaman yang menyeleweng kepada masyarakat. Kesalahan yang relevan dengan perbuatan yang dilakukan oleh pengikut yang mengamalkan sesuatu ajaran juga terhad kepada kesalahan memiliki bahan berkaitan ajaran salah. Belum ada mekanisme pemulihan akidah yang mantap bagi membendung perbuatan menyalahi akidah daripada berulang pada masa akan datang. Justeru, terdapat keperluan yang mendesak bagi mewujudkan kesalahan-kesalahan baru berkaitan akidah di bawah enakmen kesalahan syariah semua negeri.

5. Kesan terhadap enakmen negeri lain. Walaupun keputusan kes ini membatalkan 16 peruntukan dalam EKJS (1) 2019, prinsip perundangan yang digariskan oleh Mahkamah Persekutuan mempunyai kesan menyeluruh kepada semua negeri. Ini kerana ia menjelaskan sempadan kuasa antara Badan Perundangan Negeri dan Parlimen dan menetapkan ujian intipati iaitu mana-mana peruntukan di bawah enakmen yang melangkaui senarai negeri boleh dicabar. Dari perspektif politik perundangan dan tadbir urus syariah pula, kesan “tempias” ini juga terkena kepada negeri-negeri yang sedang berusaha untuk meminda enakmen jenayah syariah masing-masing atau yang merancang pindaan menyerupai EKJS 2019. Keputusan *Nik Elin* ini menggesa semua pihak menyemak semula aspek pindaan undang-undang yang dirancang itu.

### **Cadangan Pasca *Nik Elin***

#### ***Kerjasama Berpusat Jawatankuasa Undang-Undang Negeri untuk Penyeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah***

Enakmen kesalahan jenayah syariah merupakan satu-satunya enakmen yang masih belum selaras di antara negeri-negeri. Setiap negeri ada jawatan kuasa undang-undang masing-masing. Sudah tiba masanya jawatan kuasa ini mempunyai terma rujukan yang sama agar usaha penambahbaikan enakmen ini dapat diselaraskan dan bersama-sama memulakan kerja-kerja penyelarasan atau penggubalan enakmen kesalahan syariah yang baru.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) 2019 Negeri Kelantan yang digubal bagi menggantikan enakmen tahun 1986 mempunyai kelainan dari segi nama kategori kesalahan dan pewujudan pelbagai kesalahan baru yang tiada di bawah enakmen negeri lain. Pembahagian kesalahan terhadap perintah agama ini dibuat berdasarkan teori *hifz* (penjagaan) mengikut maqasid syariah, iaitu:

- i. Kesalahan takzir berhubungan dengan penjagaan agama;
- ii. Kesalahan takzir berhubungan dengan penjagaan diri dan maruah;
- iii. Kesalahan takzir berhubungan dengan penjagaan akal dan konsumsi;
- iv. Kesalahan takzir berhubungan dengan penjagaan harta;
- v. Kesalahan takzir berhubungan dengan penjagaan keturunan dan;
- vi. Persubahatan dan percubaan.

Istilah takzir diperkenalkan di dalam Enakmen ini sebagai suatu pembaharuan konseptual. Namun demikian, pengenalan tersebut tidak memberikan sebarang kesan yang signifikan memandangkan ketiadaan komponen hudud dan qisas dalam kerangka perundangan sedia ada. Undang-undang kesalahan syariah wajar dipinda agar lebih menghampiri penyeragaman antara negeri. Dalam konteks ini, jawatankuasa undang-undang negeri perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dan bersepadu dalam menyelaraskan peruntukan-peruntukan berkaitan. Selain itu, Bahagian Penyelarasan Undang-Undang di bawah JAKIM bersama-sama dengan Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan perlu digembleng secara kolektif bagi menjayakan agenda ini. Keseragaman dasar dan kesatuan antara penggubal undang-undang di peringkat negeri merupakan prasyarat utama dalam usaha memperkukuh dan menyeragamkan undang-undang kesalahan syariah pada masa hadapan

Kes *Nik Elin* telah berlalu hampir dua tahun dan Kerajaan Kelantan telah mengumumkan hasrat untuk menggubal semula enakmen kesalahan jenayah syariah. Keutamaan kini terletak kepada pihak berkuasa negeri untuk menetapkan kedudukan serta hala tuju undang-undang kesalahan jenayah syariah secara lebih terarah. Dalam usaha melangkah ke hadapan, Kelantan tidak wajar dibiarkan bersendirian dalam merangka pembaharuan tersebut. Sebarang penggubalan kesalahan baru hendaklah berpaksikan kerangka dan batasan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Mekanisme penyelarasan undang-undang kesalahan syariah di peringkat nasional perlu diperkukuh bagi mengelak pertindihan serta memastikan keseragaman dalam proses reformasi undang-undang. Keputusan *Nik Elin* seharusnya menjadi pemangkin kepada semua negeri untuk menilai semula, meminda dan menambahbaik peruntukan kesalahan syariah, selaras dengan prinsip perlembagaan dan kehakiman yang ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan. Dalam hal ini, adalah diharapkan agar Kelantan menggubal peruntukan yang tidak terlalu berbeza daripada enakmen negeri-negeri lain, demi mencapai tahap penyeragaman yang lebih konsisten dalam undang-undang kesalahan syariah di Malaysia. Dicadangkan juga penyelarasan nama enakmen kepada “enakmen kesalahan syariah”.

### ***Segerakan Pembentangan Rang Undang-Undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1984 (RUU 355)***

*Nik Elin* berlaku ketika mana semua pihak menanti perkembangan pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1984 (RUU355) yang sejak 40 tahun lalu menghadkan hukuman mahkamah syariah kepada penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut. Jika dilihat ke belakang, bukan sekejap usaha diambil untuk menggubal RUU355. Pada tahun 2020, Jawatan kuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil (kini Jawatankuasa Perundangan Islam) telah diberi arahan oleh kerajaan untuk membuat persiapan ke arah pindaan RUU 355, usaha yang telah dimulakan oleh Ahli Parlimen Marang, Dato’ Seri (kini Tan Sri) Abdul Hadi Awang pada tahun 2016. Draf RUU 355 juga telah disemak dan diluluskan oleh Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara pada 7 Oktober 2022. Sehingga tahun 2026 ini, ia belum dibawa ke Parlimen. Pemuktamadan RUU 355 ini bakal membantu usaha penyeragaman kesalahan dan hukuman bagi kesalahan syariah di negara ini.

### ***Pindaan Perlembagaan***

Keperluan kepada reformasi yang lebih berstruktur menjadi semakin ketara selepas kes *Nik Elin*. Isu sebenar bukan pada enakmen kesalahan jenayah syariah negeri, tetapi pada struktur pembahagian kuasa Perlembagaan Persekutuan. Cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan merupakan satu lagi pendekatan penting bagi menangani kekangan perundangan yang timbul. Seruan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan sebenarnya telah kedengaran selepas keputusan kes *Iki Putra* lagi. Sejak tahun 2021, satu petisyen bersama telah dikemukakan oleh pengamal undang-undang daripada Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia serta pertubuhan masyarakat sivil seperti *Malaysian Alliance of Civil Society Organisations for Universal Periodic Review Process (MACSA)* (Abu Bakar, 2021). Petisyen ini menggesa kerajaan agar mengambil pendekatan jangka panjang melalui pindaan perlembagaan bagi mengelakkan cabaran perundangan terhadap enakmen kesalahan jenayah syariah daripada terus berulang. Desakan ini menjadi semakin ketara pasca keputusan *Nik Elin*, dengan hujah yang mengambil semangat pindaan Perlembagaan 1988 yang telah berjaya memperkukuh kedudukan Mahkamah Syariah serta melindunginya daripada campur tangan Mahkamah Sivil (Che Pa, Nor Muhammad & Mustar, 2016).

Sehubungan itu, pasca *Nik Elin*, sebuah Jawatan kuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk Menggubal Undang-Undang Islam telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh mantan Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi, dan dianggotai oleh mantan Hakim Mahkamah Persekutuan, wakil Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Peguam Negara, Mahkamah Syariah, ahli akademik serta pengamal undang-undang. Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan menjalankan kajian menyeluruh serta mengemukakan pandangan dan syor yang akan dibentangkan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan Majlis Raja-Raja (Berita RTM, 2023). Dalam hal ini, kerajaan telah memberikan jaminan dan komitmen bahawa sekiranya dapatan kajian tersebut mengesyorkan pindaan perlembagaan sebagai jalan penyelesaian terbaik, maka langkah tersebut akan dipertimbangkan dan dilaksanakan (Mokhtar, 2024).

Dalam konteks ini, terdapat beberapa ruang pindaan yang wajar dipertimbangkan. Antaranya ialah memasukkan bidang kuasa berkaitan kesalahan syariah, ke dalam Senarai Bersama (Senarai III) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Senarai Bersama ini memperuntukkan perkara-perkara yang berada di bawah kuasa perundangan bersama Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Langkah ini akan membolehkan DUN menggubal undang-undang berkaitan kesalahan jenayah tertentu, termasuk kesalahan syariah, tanpa terikat sepenuhnya kepada kekangan Senarai Negeri sedia ada (Yahya, 2024).

Selain itu, pindaan juga boleh dipertimbangkan terhadap Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, khususnya melalui penakrifan semula maksud frasa “*precepts of Islam*” (perintah agama Islam). Negeri seharusnya diberikan kuasa yang lebih jelas dan luas untuk menggubal peruntukan kesalahan syariah, selagi mana perbuatan tersebut jelas bertentangan dengan perintah agama Islam (Shaari, 2021). Dalam hal ini, pindaan bukan sahaja perlu melibatkan peluasan kuasa perundangan negeri, malah menuntut penilaian semula terhadap takrif dan skop “undang-undang jenayah” di bawah Senarai Persekutuan (Abdulla, 2024).

Di samping itu, Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan juga wajar dipinda. Perkara ini menetapkan pembahagian dan batasan kuasa perundangan antara Parlimen sebagai badan perundangan Persekutuan dan Badan Perundangan Negeri berdasarkan Senarai Perundangan dalam Jadual Kesembilan. Pindaan terhadap Perkara 74 perlu dipertimbangkan bagi memperjelas dan meluaskan ruang kuasa negeri dalam menggubal undang-undang berkaitan kesalahan agama yang mempunyai elemen jenayah (Ghulam Khan, 2024). Seiring dengan itu, peluasan kuasa di bawah Perkara 76 juga wajar dipertimbangkan bagi membolehkan negeri menggubal undang-undang kesalahan agama tertentu yang bersifat jenayah tanpa bergantung sepenuhnya kepada inisiatif Parlimen (Mohamed Adil, 2023).

## Kesimpulan

Kes *Nik Elin* menandakan satu titik perubahan penting dalam landskap perundangan syariah di negara ini. Ia memperjelaskan sempadan kuasa antara Persekutuan dan negeri dalam penggubalan undang-undang kesalahan jenayah syariah. Menerusi pemakaian ujian inti pati dan penegasan klausa pengecualian dalam Senarai Negeri, Mahkamah telah menetapkan bahawa kesaham sesuatu peruntukan bukan semata-mata bergantung kepada bentuk luaran atau ciri-ciri keagamaan semata-mata, malah kepada inti pati sebenar sesuatu kesalahan. Prinsip ini menghadkan skop penggubalan kesalahan syariah kepada kategori yang bersifat “*purely religious*”, sekaligus menolak pendekatan pra-*Ikiputra* yang lebih longgar dalam mentafsir kesalahan terhadap perintah agama. Dalam konteks ini, artikel ini mencadangkan penggunaan istilah kesalahan syariah bagi menggantikan kesalahan jenayah syariah. Perubahan ini bukan sekadar bersifat terminologi, tetapi mencerminkan realiti perlembagaan bahawa kesalahan yang diperuntukkan oleh negeri adalah lebih bersifat pelanggaran norma agama berbanding jenayah dalam erti kata klasik. Konsep kesalahan syariah (*shariah offences*) ini dapat memperjelaskan pemisahan antara undang-undang jenayah di bawah kuasa Persekutuan dan kesalahan agama di bawah bidang kuasa negeri. Ini akan dapat mengurangkan risiko pertindihan dan cabaran terhadap enakmen negeri pada masa akan datang. Walaubagaimanapun, cadangan penggunaan istilah kesalahan syariah ini, tidak seharusnya ditafsirkan sebagai menghadkan potensi perkembangan undang-undang syariah. Ia perlu dilihat sebagai asas yang penting untuk merangka reformasi undang-undang secara lebih tersusun, berprinsip dan kolektif.

Banyak implikasi yang ditinggalkan oleh kes *Nik Elin* yang menuntut tindakan bersepadu bukan sahaja pihak legislatif dan eksekutif di Kelantan, malah di negeri-negeri lain juga. Pembatalan 16 peruntukan dalam kes *Nik Elin* ini berlaku adalah kerana Mahkamah Persekutuan mengemukakan sempadan pentafsiran “kesalahan terhadap perintah agama” sebagai kesalahan agama yang tidak boleh bertindan dengan kesalahan jenayah yang berada di bawah bidang kuasa persekutuan. Justeru, bila ditafsirkan bahawa intipati peruntukan-peruntukan tersebut adalah berkenaan dengan perkara di bawah Senarai Persekutuan, bermakna hanya Parlimen yang mempunyai kuasa untuk membuatnya. Kuasa Badan Perundangan Negeri untuk menjadikannya kesalahan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah adalah diatur dan dihadkan oleh frasa “*except in regard to matters included in the Federal List*”. Walaupun keputusan ini membabitkan EKJS(I) 2019, impaknya bersifat nasional kerana ia mengubah lanskap kefahaman tentang had kuasa gubalan undang-undang Islam di Malaysia. Pihak berkuasa negeri kini perlu lebih berhati-hati agar tidak menggubal undang-undang yang melangkaui batas bidang kuasa yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Kes *Nik Elin*, dan sebelum itu *Ikiputra*, sebenarnya menggesa interaksi

antara sudut pandangan persekutuan dan negeri agar ia dilihat saling melengkapi antara satu sama lain. Cabaran terhadap undang-undang syariah sebenarnya sudah terlalu lama dihadapi dan kes *Nik Elin* sebenarnya adalah kemuncak kepada semua cabaran tersebut. Tindakan bersepadu menyahut cabaran yang dinyatakan dalam penulisan ini dan penulisan-penulisan lain sebelum ini perlu dijadikan agenda khusus kesemua pihak yang terlibat. Apa jua keputusan Mahkamah Persekutuan, kuasa adalah di tangan Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang kesalahan syariah yang “pure” menurut kerangka “pengwujudan hukuman dan kesalahan terhadap perintah agama” dalam aspek akidah, institusi Islam, moraliti dan sebagainya.

## Rujukan

- Abdulla, H. K. (2024, Februari 16). "Pinda perlembagaan, selesaikan isu kepincangan". Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/649973/berita/nasional/pinda-perlembagaan-selesaikan-isu-kepincangan---haniff-khatri>
- Abu Bakar, J. M. (2021, Mac 19). "Jenayah syariah: 200 peguam sivil, syariah gesa pinda Perlembagaan". Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/jenayah-syariah-200-peguam-sivil-syariah-gesa-pinda-perlembagaan/>
- Ahmad, D. (2016, Jun 5). "Hudud merry-go-round again distracts an ailing nation". Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/344131>
- Anwar, N. I., & Mohd Jailani, N. J. (2021). Strengthening Malaysian parliamentary democracy through private member's bills. *Journal of the Malaysian Parliament*, 1, 38–54.
- Astro Awani. (2017, April 6). "Lapor Langsung - Pembentangan pindaan RUU". Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lapor-langsung-pembentangan-pindaan-ruu-355-138253>
- Awdah, A. Q. al-. (1970). *Al-Tashri' al-jina'i al-islami muqaranan bi al-qanul al-wad'iy*. Dar al-Kutub.
- Ayus, A. M. (2023). The probabilities of integrating and/or Islamizing law and syariah learning or vice versa. *Ar-Ra'iq*, 6(1), 115.
- Aziz, N. A., Ilias, I., & Rani, A. R. A. (2024). Ulasan kes Nik Elin Zurina & Tengku Yasmin Natasha lwn Kerajaan Negeri Kelantan CLJU 232. *Kanun*, 36(2), 345-366.
- Bakri, Z. M. al-. (2016). "Bayan linnas ke-67: Isu cadangan pindaan akta 355: Satu pendapat". Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. [https://www.bing.com/search?q= bayan+linnas+ke-67%3a+isu+cadangan+pindaan+akta+355%3a+satu+pendapat&cvid=efa8d2a181cd468e95f83e28fd9894a0&gs\\_lcrp=egrlzgdldkgyiabbbfdkybggaeuyotihcaeq6wcyqnibctkynja1ajbqngkcalaca&form=anab01&pc=hcts&source=chrome.ob](https://www.bing.com/search?q= bayan+linnas+ke-67%3a+isu+cadangan+pindaan+akta+355%3a+satu+pendapat&cvid=efa8d2a181cd468e95f83e28fd9894a0&gs_lcrp=egrlzgdldkgyiabbbfdkybggaeuyotihcaeq6wcyqnibctkynja1ajbqngkcalaca&form=anab01&pc=hcts&source=chrome.ob)
- Berita Harian. (2021, Mac 19). "Kes Ikiputra: 200 peguam gesa pindaan Perlembagaan". Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/797727/>
- Berita Harian. (2022, Disember 9). "Agenda pembentangan RUU 355 akan diteruskan". Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1037446/agenda-pembentangan-ruu-355-akan-diteruskan>
- Berita Harian. (2023, Mac 13). "Kerajaan sedia kertas Jemaah Menteri perkara Akta Mahkamah Syariah". Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076499/kerajaan-sedia-kertas-jemaah-menteri-perkasa-akta-mahkamah-syariah>
- Bernama. (2024, Oktober 2). "GISBH: Majlis Agama Bertindak, Fokus Jenayah Syariah". Bernama. <https://bernama.com/bm/news.php?id=2347238>
- Che Pa, H., Nor Muhammad, N. H., & Mustar, S. (2016). Bidang kuasa eksklusif mahkamah syariah selepas pindaan perkara 121(1a) perlembagaan persekutuan: Satu penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4(1), 1–13.
- Chevallier-Govers, C. (2010). *Shari'ah and legal pluralism in Malaysia*. IAIS Malaysia.
- Ding, J. X., Hong, E. X. Y., & Althabawi, N. (2023). Necrophilia: From the perspective of natural law, positivism and Islamic ethics. *I LNS(A) lxxviii*.
- Faruqi, S. S. (2016, Jun 9). "Enhancing syariah courts' powers". The Star. <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/reflecting-on-the-law/2016/06/09/enhancing-syariah-courts-powers-the-syariah-courts-criminal-jurisdiction-act-1965-reignites-some-cri/>
- Faruqi, S. S. (2020). Between two shores: Courts, the constitution and the syariah. *Singapore Academy of Law Journal (SACLJ)*, 32, 414-457.

- G25. (2016, Jun 1). "Reject Hadi's Bill as it opens doors to hudud implementation". Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/343712>
- Gabungan Bertindak Malaysia (GBM). (2016, June 7). "Withdraw amendment bill to Shariah Courts (Criminal Jurisdiction) Act 1965". Gabungan Bertindak Malaysia. <https://ilgocultural.com/7797?lang=en>
- Ghulam Khan, I. N. (2024, Februari 18). "Lengah pinda perlembagaan buka ruang enakmen syariah negeri terus dicabar". Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2024/02/1213906/lengah-pinda-perlembagaan-buka-ruang-enakmen-syariah-negeri-terus-dicabar>
- Harakah Daily. (2017, Mac 14). "Kronologi RUU 355". Harakah Daily. <https://harakahdaily.net/index.php/2017/03/14/kronologi-ruu355/>
- Hassan, N. (2022, Oktober 22). "RUU 355: Rang undang-undang mahkamah syariah (bahagian jenayah)". Facebook. [https://m.facebook.com/story.php?story\\_fbid=pfbid034i3hHeceB2wKfd6wNpJis7YdkDWEdfFfauQaaY4fbPvxBrTdGZgQfY8EkLFGoNyJl&id=100044538395166](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid034i3hHeceB2wKfd6wNpJis7YdkDWEdfFfauQaaY4fbPvxBrTdGZgQfY8EkLFGoNyJl&id=100044538395166)
- Hung, H. T. M. (2016). The politics of hudud law implementation in Malaysia. *ISEAS Working Papers*, 4, 1–17.
- Ismail, S. Z. (2017). *Kesalahan jenayah syariah di Malaysia*. Penerbit UM.
- Ismail, S. Z. (2020). Kesalahan jenayah syariah sebagai kesalahan terhadap perintah agama: Di mana selepas empat dekad? In M. A. M. Adil, A. H. Buang, & A. B. Abdullah (Penyt.), *Mahkamah Syariah di Malaysia: Menelusuri Cabaran Melestari Harapan* (pp. 341–372). UiTM Press.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (n.d.). "Mengenai kami". Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. <http://www.jksm.gov.my/profil/mengenai-kami/>
- Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). (2024, Julai 10). "Kenyataan media menteri di jabatan perdana menteri (hal ehwal agama) berkaitan konvensyen memartabatkan perundangan dan kehakiman syariah Malaysia". Portal Rasmi Pejabat Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). <https://dsnaim.my/kenyataan-media/kenyataan-media-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-hal-ehwal-agama-berkaitan-konvensyen-memartabatkan-perundangan-dan-kehakiman-syariah-malaysia/>
- Jani, H. M., Hashim, W. M. W., & Kamarul Zaman, L. (2024). The aftermath of Nik Elin: Does it affect the position of the Malaysian Syariah Court? *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(36), 177–190.
- Kin, K. C. C. (2019, October 2019). "The value of private member's bills in parliament: A process comparison between Malaysia and the United Kingdom". Penang Institute Issues. <https://penanginstitute.org/publications/issues/the-value-of-private-members-bills-in-parliament-a-process-comparison-between-malaysia-and-the-united-kingdom/>
- Mansor, M. H. (2021). Ulasan kes Iki Putra dalam kesalahan liwat dan harmonisasi bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah. *Perspektif TSIS*, 6, 1-8.
- Mazida, F. N., & Samudin, S. A. (2022). Keperluan rang undang-undang 355: Analisis terhadap usul persendirian Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(1), 107-146.
- Mohamad, A. H. (2024). "Kes Nik Elin: Saya sudah kata sepuluh tahun dahulu". Tun Abdul Hamid. <https://tunabdulhamid.my>
- Mohamed Adil, M. A. (2016). Mahkamah syariah di Malaysia: Kemajuan dan pencapaian. *Islam and Civilisational Renewal Journal*, 7(2), 243-263.
- Mohamed Adil, M. A. (2023, November 23). "Isu undang-undang jenayah syariah perlu diperjelas". Institut Kefahaman Islam Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/en/isu-undang-undang-jenayah-syariah-perlu-diperjelas/>
- Mokhtar, M. N. (2024). "Konvensyen memartabatkan perundangan dan kehakiman syariah". Portal Rasmi Pejabat Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). <https://dsnaim.my/berita/konvensyen-memartabatkan-perundangan-dan-kehakiman-syariah>
- Muhamad Hazim Shah, M. H. S., & Buang, A. H. (2021). Ahmad Ibrahim dan sumbangannya dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 81-98.
- Nasohah, Z., Zakaria, Z. I., & Mohd Kusrin, Z. (2022). Cabaran penyeragaman undang-undang jenayah syariah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 22(1), 146-159.

- Nasri, M. S. (2018). Akta 355 dan perkembangan bidang kuasa mahkamah syariah dalam perkara jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 1(1), 77-90.
- Parlimen Malaysia. (2018). *Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat*. Parlimen Malaysia.
- Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Pusat. (2023, Mac 23). "Menjawab soalan Anwar tentang RUU 355". Facebook.  
[https://m.facebook.com/story.php?story\\_fbid=pfbid0HhAN3h4o59qqm2QCin9KreiKEQQJoyaf2vSgE8ewNuv9n1ZSXcq4XwcNWcEDFECl&id=100064718314834](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid0HhAN3h4o59qqm2QCin9KreiKEQQJoyaf2vSgE8ewNuv9n1ZSXcq4XwcNWcEDFECl&id=100064718314834)
- Ramalingam, S. (2024). Federal-state division of legislative powers: The Malaysian judiciary's role in upholding constitutional supremacy. *CLJU(A)*, lxxi.
- Rijal, D. F. Z. (2024, Februari 13). "Pasca keputusan Nik Elin, adakah kesalahan undang-undang jenayah Mahkamah Anak Negeri Sabah dan Sarawak juga bakal dicabar?". The Merdeka Times.  
<https://themerdekaitimes.com/news/2024/02/pasca-keputusan-nik-elin-adakah-kesalahan-undang-undang-jenayah-mahkamah-anak-negeri-sabah-dan-sarawak-juga-bakal-dicabar/>
- Sabirin, N. A. M., Shariff, A. A. M., & Yahya, M. A. (2024). Penggubalan undang-undang jenayah syariah di Malaysia: Analisis ke atas kekaburan bidang kuasa parlimen dan dewan undangan negeri. *Akademika*, 94(2), 346-360. <https://doi.org/10.17576/akad-2024-9402-20>
- Shaari, A. F. (2021, Mac 4). "Pinda perlembagaan persekutuan demi mempertahankan perundangan syariah". Facebook.  
<https://www.facebook.com/DPPMalaysia/photos/a.480411171976090/4467073566643144/?id=479387615411779>
- Tan, J. Y. (2024). Judicial review: Bringing the rule of law to life. *1 MLJ*, cxxxii.
- Teoh, S. Y. (2024). Modern concept of locus standi in Malaysia: Nik Elin Zurina's case. *6 CLJ (A)*, i.
- Wan Mansor, W. N. (2017). RUU 355 from an Islamic perspective: Improve legal safeguards in tandem with higher punishments. *Islam and Civilisational Renewal Journal*, 8(4), 543-546.
- Wook, I., Ghulam Khan, I. N., & Md Yusof, A. F. (2023). Ulasan kes Iki Putra Bin Mubarrak lwn. Kerajaan Negeri Selangor 2 MLJ 323 (Bidang kuasa badan perundangan negeri dan undang-undang berkaitan dengan kesalahan terhadap perintah agama Islam). *Kamun*, 35(2), 379-388.
- Yaacob, A. M. (2021). Mahkamah Syariah dari abad ke abad. *Jurnal Syariah*, 29(3), 371-396.
- Yahya, R. (2024, Februari 9). "Keputusan petisyen Nik Elin: Pas desak kerajaan segera usul pinda Perlembagaan". Sinar Harian.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/648745/berita/politik/keputusan-petisyen-nik-elin-pas-desak-kerajaan-segera-usul-pinda-perlembagaan>
- Zainul Rijal, D. F. (2024, Oktober 16). "Pasca keputusan Nik Elin, adakah kesalahan undang-undang jenayah Mahkamah Anak Negeri Sabah dan Sarawak juga bakal dicabar?". The Merdeka Times.  
<https://themerdekaitimes.com>
- Zuhayli, M. M. al-. (2006). *Al-Qawa'id al-fiqhiyyah wa-tatbiqiha fi al-madhahib al-arba'ah*. Dar al-Fikr.